


16 - 31 OGOS, 2024

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Hassan Ahmad

## syukur diberi kekuatan kongsi ilmu agama

**DATO'** Seri Hassan Ahmad diumum sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 7 Julai 2024.

Pengiktirafan tersebut telah membawa wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** untuk menemu ramah tokoh berkaitan yang mesra dipanggil 'Ustaz Hassan'.

Sesi bicara wara Ustaz Hassan, 82, dengan ditemani isteri, Datin Seri Pauziah Mohd. Noor, 60-an berlangsung di kediaman mereka dekat Jalan Pongsu Seribu, Pokok Sena, Kepala Batas, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pada 15 Julai lalu.

"Pertama, syukur kepada Allah yang telah memberikan taufik dan hidayah kepada pihak berkuasa kerana memberikan anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

"Kedua, terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Perdana Menteri dan ucapan menjunjung kasih kepada Yang Dipertuan Agong yang berkenaan menyampaikan anugerah baru-baru ini," jelasnya dalam nada sederhana.

Ustaz Hassan mempunyai sembilan cahaya mata (empat lelaki dan lima perempuan) yang mana semuanya berjaya dalam pelbagai bidang profesional, serta juga dikurniakan dengan 16 cucu.

### Dunia akademik

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang pada tahun 1973 selepas melanjutkan pengajian di Fakulti Syariah dan Undang-Undang dekat Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri, Kelantan.

Selepas itu, beliau melanjutkan pengajian di Fakulti Syariah, Universiti Al-Azhar, Mesir dan mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Usul Al-Fiqh.

"Kira-kira 20 tahun juga saya menjadi pensyarah iaitu tiga tahun di (YPTIK) dan baki 17 tahun lagi (bermula pada 1 April 1981 hingga 31 Ogos 1997) sebagai pensyarah Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

"Datuk Hakimah Mohd. Yusoff (Ketua Pengarah JAKIM); Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman Abdullah dan Ketua Pengarah IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia, Profesor Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil) merupakan antara tokoh yang merupakan bekas pelajar saya dahulu.

"Selepas pencen di Universiti Malaya, barulah ditaklifkan sebagai Mufti Pulau Pinang, penjawatan kontrak selama kira-kira 17 tahun (bermula pada 2 September 1997 hingga 6 Jun 2014)," ujarnya.

Bercerita lanjut, beliau menyatakan bahawa dunia akademik sebenarnya mempunyai cabaran tersendiri.

Antaranya, menurut Ustaz Hassan, adalah semasa proses rundingan untuk meletakkan YPTIK Nilam Puri di bawah salah satu dari dua universiti awam, sama ada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atau Universiti Malaya (UM).

"Pada peringkat awalnya, UKM yang berminat untuk mengambil alih YPTIK dengan syarat mengekalkan proses pengajaran dan pendidikan Islam peringkat tinggi dalam bahasa Arab seperti sedia ada.

"Syarat yang diberikan itu menghalang UKM kerana proses pengajian di universiti (awam) tersebut mesti dalam bahasa kebangsaan atau Bahasa Melayu.



**HASSAN Ahmad menunjukkan penganugerahan Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M yang diterima pada 7 Julai 2024.**

*(Sambungan di muka 2).*

# SRISAF platform lahir modal insan berilmu, berdaya saing

Oleh : **NURUL HAWA FARAHIN HAMEDDY**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PINANG TUNGGAL –** Penubuhan Sekolah Rendah Islam Syeikh Abdullah Fahim atau SRISAF yang terletak di Jalan Tun Hamdan Syeikh Tahir dekat Kepala Batas merupakan suatu inisatif penting dalam membina generasi masa depan yang berilmu dan berdaya saing.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa SRISAF merupakan sekolah Kelas Al-Quran Fardu Ain (KAFA) integrasi yang menawarkan pendidikan Islam menyeluruh kepada para pelajar.

"Penubuhan sekolah ini menjadi simbol komitmen kerajaan dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang terbaik dan selesa di negeri ini.

"Malah, ia juga merupakan bukti kesungguhan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha memperkasakan agama Islam, seiring dengan perkembangan pendidikan kebangsaan," ujarnya pada Majlis Perasmian SRISAF di sini pada 12 Julai lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Marzuki Hassan; Ketua Penolong (Bahagian Pendidikan) JHEAIPP, Mohd. Arif Abdul Samat dan Pegawai Tadbir Agama JHEAIPP, Abu Mansur Maturidi Mohd. Romli.

Mengulas mengenai kewujudan sekolah rendah Islam, Mohamad memberitahu bahawa sekolah-sekolah berkaitan juga seharusnya dilengkapi dengan fasiliti berteknologi tinggi supaya tidak berlaku kesenjangan dalam usaha menuju Visi Penang2030.

"Oleh itu, saya amat menggalakkan agar sekolah-sekolah ini meneroka peluang-peluang baharu bersama-sama agensi kerajaan seperti Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang untuk menaik taraf fasiliti pendidikan berteraskan teknologi.

"Selain itu, dari aspek kebajikan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama ZPP turut membiayai tambahan elaun sebanyak RM3,970,200 setahun kepada semua 1,600 guru KAFA.

"Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM2.4 juta bagi pembangunan sekolah agama rakyat untuk tahun ini meliputi pembinaan Madrasah An-Najah Kampung Selamat dekat Seberang Perai Utara; Sekolah Agama Rakyat (SAR) Nurul Falah Taman Berjaya, Nibong Tebal dan SAR Masjid Bandar Baru Ayer Itam, daerah Timur Laut.



"Malah, Kerajaan Negeri turut memberikan sebidang tanah di Bandar Cassia seluas lebih 17 ekar untuk pembangunan Kolej Pintar Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) yang merangkumi pembinaan masjid dan kompleks pendidikan," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jemaah Pengurusan SRISAF, Mohd. Azizon Noordin memaklumkan bahawa SRISAF mula dibina pada 7 Disember 2018 di atas tanah wakaf bersebelahan Masjid Abdullah Fahim dan siap sepenuhnya dan diberi kunci pada 17 Januari 2020.

"Sekolah ini mempunyai 16 kelas dan masing-masing sebuah bilik pejabat, bilik mesyuarat dan kantin.

"Pada tahun 2022, SRISAF berjaya memenangi Anugerah Pencapaian Cemerlang Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) manakala pada tahun 2023, sekolah ini telah berjaya membawa pulang Anugerah Sekolah Terbaik UPKK.

"Jumlah guru dan pelajar yang semakin bertambah dari tahun ke tahun menunjukkan impak positif yang mana SRISAF merupakan salah satu sekolah yang berintegriti," ulasnya.

**DR. Mohamad Abdul Hamid (kiri sekali) sambil diiringi Mohd. Azizon Noordin (berbaju Melayu ungu) pada Majlis Pelancaran SRISAF di sini baru-baru ini.**

*(Sambungan dari muka 1).*

# Kembangkan Islam menerusi jalan akademik

"Selepas itu, proses rundingan diteruskan dengan melibatkan Y.M. Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz sebagai Canselor Ke-3 Universiti Malaya (1968–1988).

"Beliau (Ungku Abdul Aziz) bersetuju dengan syarat mengekalkan pengajian Islam dalam bahasa Arab dan berani mempersembahkan cadangan tersebut ke peringkat atasan supaya YPTIK diletakkan di bawah Universiti Malaya," ulasnya lanjut.

Pada tahun 1981, menyorot sejarah, Akademi Islam ditubuhkan di UM dengan dua fakulti, iaitu Fakulti Syariah serta Fakulti Usuluddin.

Pada tahun 1996 pula, Akademi Islam bergabung dengan Jabatan Pengajian Islam iaitu yang telah wujud di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS) dan dikenali sebagai Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

"Paling mencabar adalah proses perundingan untuk meletakkan YPTIK di bawah Universiti Malaya, dan Y.M. Ungku Abdul Aziz berani membuat keputusan sampai tertubuhnya Akademi Islam," katanya.

## Ketokohan

Selain bidang akademik dan peranannya sebagai mufti, Buletin Mutiara difahamkan, Ustaz Hassan turut memainkan peranan penting sebagai penasihat dalam beberapa institusi,antaranya;-

- Ahli Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam Maybank (1993-2004).
- Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) (1997-2014).
- Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Kerjasama Rakyat (1998-2004).
- Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (1998-2010).
- Ahli Majlis Penasihat Syariah KFC Holdings (1999).
- Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2001-2016).
- Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji, Lembaga Tabung Haji Malaysia (2005-2017).
- Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang (2005-2014).

Di samping itu, Ustaz Hassan juga sempat menghasilkan beberapa karya penulisan dalam bahasa Melayu dan Arab, antaranya Riwayat Hidup Imam Nawawi, Usul Al-Fiqh dan '*Al-Mafthum Wa Mauqif Al-Usuliyina Min Hujjiyatih*'.

## Harapan

Hampir 45 minit bicara wara berlangsung, Ustaz Hassan memberitahu bahawa dengan berbekalkan kudrat serta sedikit ilmu agama yang dipinjamkan oleh Allah S.W.T., beliau berharap dapat terus memenuhi jemputan mengajar dalam majlis-majlis ilmu yang dianjurkan di masjid, surau serta madrasah tertentu terutama di negeri ini.

"Semasa saya menjadi Mufti Pulau Pinang, saya sebagai pengerusi bersama ahli lembaga pengarah sempat tubuh KITAB Pulau Pinang pada tahun 2005, sampai saya berhenti pada tahun 2014.

"Selepas itu, saya tubuh Yayasan Darul Hadith (yang mana) saya dilantik sebagai penasihat kehormat sampai sekarang dan Ustaz Rosli Othman juga kini adalah penasihat kehormat juga; sementara Ustaz Hanif Haron sebagai 'Guru Besar' di institusi pendidikan di situ.

"Sampai sekarang, niat saya adalah untuk mengembangkan kefahaman Islam menerusi jalan akademik dan pendidikan macam di Yayasan Darul Hadith serta masjid dan surau.

"Macam tema Maal Hijrah tahun ini iaitu Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI, saya berharap kerja-kerja mengembangkan kefahaman Islam secara menyeluruh mesti disuburkan lagi, tidak boleh secara selektif ikut kepentingan pihak tertentu, sebaliknya mesti melibatkan semua kelompok dalam kalangan umat Islam serta perlu berdasarkan perlembagaan negara dan kalau di negeri ini mesti mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004," ujarnya mengakhiri bicara wara berkaitan.


FAHMI Zainol menunjukkan hasil tuaian bawang yang diusahakan di Ara Kuda, Tasek Gelugor.

# Pertanian pintar mampu tambah baik tuaian bawang "Pulau Pinang"

**SELEPAS** negara India mengambil langkah tidak akan mengeksport bawang ke luar negara, dasar itu secara tidak langsung telah memberi kesan kepada Malaysia selaku pengimport daripada negara tersebut.

Dalam menangani situasi itu, negara turut mengambil langkah untuk mengekalkan keterjaminan bahan mentah tersebut melalui projek-projek menanam bawang yang mula dilaksanakan dan telah berjaya dituai di Perak pada Mei lalu.

Pulau Pinang tidak terkecuali apabila berjaya menuai 1.3 tan bawang di tanah seluas 0.4 hektar melalui projek tanaman bawang hasil usaha sama antara Institut Penyelidikan dan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan Vitrox Agritech dekat Ara Kuda, Tasek Gelugor.

Penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat mengadakan lawatan ke ladang bawang Vitrox Agritech, Ara Kuda bersama-sama Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** untuk meninjau sendiri projek tersebut.

Menurut Fahmi, projek penanaman bawang di negeri ini adalah projek perintis dalam usaha menangani isu keterjaminan bekalan bawang yang mana bahan tersebut antara yang banyak digunakan dalam masakan di Malaysia.

"Apa yang boleh saya katakan adalah projek ini dilihat berjaya, namun banyak perkara perlu ditambah baik, antaranya adalah berkaitan saiz yang mana kalau kita lihat saiznya sedikit kecil berbanding bawang India.

"Namun, rasa bawang ini sama sahaja bahkan ada yang mengatakan rasanya lebih sedap dengan aroma yang lebih menarik berbanding bawang import.

> **Rasa bawang ini sama sahaja bahkan ada yang mengatakan rasanya lebih sedap dengan aroma yang lebih menarik berbanding bawang import."**
>
> **- Fahmi Zainol.**

"Saya percaya pihak MARDI boleh jalankan kajian lanjut dan terperinci terutamanya untuk menambah saiz bawang Pulau Pinang ini," ujarnya kepada Buletin Mutiara pada 11 Julai lalu.

*(Sambungan di muka 4).*


BAWANG yang dituai sedang menjalani proses pengeringan.




SALAH seorang pekerja menunjukkan bawang yang dihasilkan dan saiznya adalah lebih kecil berbanding keluaran negara India.

*(Sambungan dari muka 3).*

# Mampu diperluaskan

Melihat pada perkembangan positif tersebut, Fahmi yakin bahawa potensi bawang Pulau Pinang mampu diperluaskan ke daerah-daerah lain.

"Di samping penanaman bawang yang dikatakan berjaya, ia turut datang bersama dengan cabaran bagi mengekalkan tanaman tersebut sebagai tanaman utama.

"Antara faktor yang dikatakan menghalang tumbesaran saiz bawang adalah cuaca di sini tidak cukup panas.

"Saya difahamkan bawang memerlukan cuaca yang panas, memang di sini panas tetapi bawang juga sensitif terhadap hujan lebat, atas faktor itu, bawang kita terpaksa ditanam di bawah bumbung plastik.

"Dengan cara ini akan dapat mengelakkan tanaman bawang daripada ditimpa hujan lebat tetapi pada masa sama ia telah mengurangkan cahaya matahari.

"Inilah antara cabaran yang perlu kita atasi untuk menghasilkan bawang dengan saiz yang lebih besar pada masa akan datang," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Mengulas lanjut, Fahmi menyatakan bahawa antara cabaran lain dalam projek penanaman bawang di sini adalah kos yang agak tinggi.

"Di sini yang saya selalu tekankan adalah pertanian pintar, macam sekarang kos bawang agak sedikit tinggi sebab memerlukan tenaga kerja ramai.

"Bermula dengan kerja-kerja menyemai, memindah anak pokok, menuai dan menjemur itu memerlukan tenaga kerja, sekiranya proses menuai dapat gunakan mesin, mungkin kos dapat dijimatkan.

"Selepas dituai, bawang ini perlu dijemur kira-kira dua minggu supaya betul-betul kering sebelum dijual," ujarnya.

Dalam jangka masa pendek, bawang Pulau Pinang dijual dalam kalangan komuniti tempatan sahaja dan dipasarkan di kilang-kilang.

Melihat kepada kejayaan itu, Fahmi menaruh harapan agar lebih ramai petani tampil bekerjasama dengan pihak MARDI, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang mahupun pihak-pihak berkepentingan untuk memperluaskan tanaman bawang.

"Macam saya cakap, dari segi rasa, bau, memang setanding bahkan ada yang kata lebih bagus, jadi saya nampak bawang memang ada potensi besar di Pulau Pinang.

"Saya percaya lepas beberapa kali menuai nanti, MARDI akan ada penyelesaian untuk tambah baik beberapa perkara," katanya menutup bicara.



ANAK-anak pokok yang menunggu tempoh masa untuk dipindahkan sebelum ia menghasilkan bawang matang.





# Festival Boria angkat kembali seni budaya tempatan



ANTARA kumpulan yang membuat persembahan pada penganjuran pertandingan boria bagi Kategori Terbuka.

KEMENTERIAN Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pulau Pinang menganjurkan Festival Boria Pulau Pinang pada 12 hingga 14 Julai 2024 dekat Seberang Perai Arena, Seberang Jaya.

Majlis perasmian penutup festival berkenaan telah disempurnakan oleh Exco Perdagangan, Keusahawanan dan Pembangunan Luar Bandar, Rashidi Zinol pada 14 Julai lalu yang turut menampilkan persembahan daripada artis-artis popular tanah air.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Timbalan Pengarah JKKN Pulau Pinang, **YUSRI SHAMDIN** berkata bahawa objektif utama penganjuran program tersebut adalah untuk menyemarakkan industri pelancongan menerusi kegiatan seni budaya dan warisan setempat.

Menurut beliau, pemilihan kesenian boria bertepatan dengan matlamat JKKN untuk terus memelihara dan menyemarakkan kesenian tempatan Pulau Pinang kepada semua lapisan masyarakat terutama dalam kalangan generasi muda.



YUSRI Shamdin.

"Program ini dikenali sebagai pelancongan budaya kerana kita (JKKN) menyediakan pengisian pentas bermula dengan persembahan daripada kumpulan boria yang terdiri daripada pasukan sekolah-sekolah, institusi pengajian dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Melalui festival ini, setiap negeri akan mengangkat budaya tempatan masing-masing yang mana di Pulau Pinang kita mengetengahkan seni boria di samping beberapa seni lain seperti Ghazal Parti serta persembahan kebudayaan kaum Cina dan India.

"Festival ini juga sudah pasti dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta produk yang menyokong pembangunan budaya masyarakat dan memberi daya tarikan pelancong dengan aktiviti seni, budaya serta warisan kraf setempat," katanya kepada penulis **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **AHMAD ADIL MUHAMAD** ketika ditemui pada 12 Julai lalu.



Paling penting menurut Yusri, konsep persembahan yang diketengahkan adalah harus mengangkat kesenian tempatan di sesebuah negeri tersebut.

"Contohnya di Pulau Pinang kita ada boria dan Ghazal Parti, di Johor pula popular dengan tarian Zapin dan Melaka terkenal dengan dondang sayang," ujarnya.

Yusri memberitahu bahawa Festival Boria dilaksanakan dengan kerjasama strategik Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Persatuan Seni Kreatif Budaya Warisan Estetik Pulau Pinang (Sekenit).

"Antara pengisian bersempena festival ini adalah pertandingan boria bagi Kategori Cilik dan Kategori Terbuka yang disertai oleh 210 peserta.

"Sebanyak lapan kumpulan boria telah bertanding bagi Kategori Cilik dari sekolah rendah di negeri ini iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Permai Indah, SK Stowell, SK Taman Impian, SK Bukit Gambir, SK Kebun Sirih, SK Indera Muda, SK Minden Heights dan SK Batu Kawan, dengan jumlah penglibatan 120 peserta.

*(Sambungan di muka 6).*




PAMERAN yang mempamerkan sejarah boria.

(Sambungan dari muka 5).

# Hidupkan kembali kesenian tradisional

“Selain itu, enam kumpulan boria yang bertanding bagi Kategori Terbuka melibatkan sekolah menengah dan institut pengajian tinggi (IPT) dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) serta Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pulau Pinang.

"Setiap persembahan akan dinilai oleh barisan juri yang dibarisi oleh tokoh seni budaya, artis kebudayaan yang diketuai oleh penyanyi yang juga pelawak popular 90-an, Pak Man Telo,” jelasnya.

Yusri memberitahu bahawa aktiviti sampingan lain yang turut dianjurkan adalah seperti pertandingan Bintang Asli Remaja serta pameran produk kraftangan yang diselaraskan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pulau Pinang.

“Selain untuk menarik kehadiran pelancong, tujuan utama festival ini juga adalah untuk merangsang dan menggerakkan ekonomi terutamanya bagi peniaga kraftangan tempatan,” katanya sambil menambah bahawa pihaknya menyasarkan seramai 10,000 pengunjung hadir pada penganjuran tersebut.

Ditanya mengenai harapan JKKN terhadap masa depan seni budaya tempatan khususnya di Pulau Pinang, Yusri berkata bahawa penganjuran festival kebudayaan seumpamanya dapat dijadikan sebagai aktiviti tahunan.

“Apabila kita adakan program seumpama ini, secara tidak langsung kita dapat menghidupkan kembali kesenian tradisional yang ada di negeri ini supaya dapat diwarisi oleh generasi muda dan tidak pupus ditelan zaman.

“Sebab itu, kita tekankan penglibatan orang muda dalam setiap pengisian supaya walaupun mereka sekarang hidup dalam dunia teknologi yang semakin canggih, namun mereka tetap mempunyai minat kepada seni dan budaya.

“Justeru, JKKN berharap agar dengan penglibatan generasi muda seperti yang dapat dilihat sekarang ini dapat membantu mengekalkan tradisi seni budaya untuk tatapan generasi akan datang.

“Pada masa sama, kami juga hendak meningkatkan ekonomi pelancongan dengan menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke negeri ini,” ulasnya mengakhiri wawancara.





**BAHAN-bahan pameran serta jualan seperti capal, kraftangan dan keris yang diadakan sepanjang tempoh berlangsungnya Festival Boria Pulau Pinang.**

CASA RICA
SETIA GREENS




Kediaman Eksklusif Berinspirasikan Reka Bentuk Sepanyol

5% BUMIPUTERA DISKAUN

Rumah Berkembar 2 dan 3 Tingkat di Sungai Ara, Pulau Pinang

Stay Together. Stay Setia
livelearnworkplay

Hubungi kami : 604 576 2255
www.spsetia.com
Kewira Jaya Sdn Bhd (504851-V)
2296, Lingkaran Setia, Bandar Setia Fontaines, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
E spi-sales@spsetia.com

Setia

Kewira Jaya Sdn Bhd • Casa Rica: Rumah Kembar 2 Tingkat dan 3 Tingkat (38 unit) • No. Lesen Pemaju: 11461/09-2028/1149 (R) • Tempoh Sah: 01/10/2023 - 30/09/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11461-6/09-2024/0242(R)-(L) • Tempoh Sah: 01/10/2023 – 30/09/2024 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2024 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB321/21(LB) • Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad • Harga: Minimum RM2,013,000.00, Maksimum RM2,710,510.00

Kewira Jaya Sdn Bhd • Casa Rica: Rumah Kembar 2 Tingkat (22 unit) • No. Lesen Pemaju: 11461/09-2028/1149 (R) • Tempoh Sah: 01/10/2023 - 30/09/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11461-7/11-2024/0318(N)-(L) • Tempoh Sah: 11/11/2022 – 10/11/2024 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: November 2024 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB864/21(LB) • Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad • Harga: Minimum RM2,258,410.00, Maksimum RM3,098,920.00

# Cendol Ali@Sungai Bakap kekal resipi warisan keluarga



CENDOL Ali yang menjadi kegemaran ramai.



AMIR Shah Ali Mohamad menunjukkan cendol turun-temurun keluarganya.

**BUKAN** mudah sebenarnya mempertahankan keaslian kandungan dan jenama produk warisan keluarga ketika cita rasa pelanggan kian kompleks dan berubah-ubah.

Namun, bagi **AMIR SHAH ALI MOHAMAD**, 48, resipi asli cendol yang diwarisi daripada Allahyarham ayahnya, Haji Ali sejak 31 tahun lalu menjadi teras perniagaan dan bertahan sehingga kini.

"Cendol Ali ini adalah cendol asli, kalau nak makan cendol asli memang kena datang ke Sungai Bakap," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** pada 27 Jun lepas.

Amir Shah memberitahu bahawa ayahnya berniaga cendol asli di hadapan Masjid Lama Sungai Bakap sejak kira-kira 50 tahun lepas.

"Oleh kerana ayah saya adalah seorang penjawat awam, jadi beliau membuka gerai cendol ini pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

"Ayah berniaga cendol secara sambilan untuk menambah pendapatan keluarga, tidak boleh berniaga tiap-tiap hari kerana beliau terikat dengan waktu kerja pejabat.

"Saya membantu ayah berniaga cendol sejak di bangku sekolah, apabila tamat belajar peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1993, saya ambil alih perniagaan ayah dan menjalankan perniagaan secara sepenuh masa," ujarnya.

Bercerita lanjut, Amir Shah memberitahu bahawa ketika ini beliau berniaga tiap-tiap hari kecuali Jumaat, bermula jam 11 pagi hingga 6 petang.

"Dahulu, saya membantu ayah berniaga cendol, sekarang dua anak saya iaitu Ahmad Syurin, 24, dan Mohd. Syafik, 15, pula membantu saya meneruskan perniagaan keluarga iaitu 'Cendol Ali' ini," ulasnya lanjut.

Tambah Amir Shah, keaslian resipi Cendol Ali sememangnya mengikat kesetiaan pelanggan tradisinya dari satu generasi ke generasi seterusnya.

"Oleh kerana zaman dah berubah, selera pelanggan juga berubah, ada sesetengah produk perniagaan juga harus berubah ikut zaman dan cita rasa pelanggan.

"Tetapi, bagi saya, Cendol Ali boleh bertahan di sini kerana saya mengekalkan keaslian resipi yang ayah pernah berniaga dahulu.

"Hanya ada dua jenis cendol; cendol biasa RM3, sementara cendol pulut RM3.50," katanya.

Menurut beliau, setiap hari, Cendol Ali menerima kira-kira 100 orang pelanggan setia.

"Alhamdulillah, setakat ini, memang ada 100 pelanggan setiap hari, (yang mana) mereka mungkin adalah pelanggan asal yang membeli Cendol Ali sejak zaman ayah saya, atau mereka adalah generasi anak-anak semasa ayah saya berniaga, kini terus menjadi pelanggan setia saya pula.

Resipi asli Cendol Ali ini memang ada pelanggan, sama ada lapisan generasi ayah saya, generasi saya dan juga generasi anak-anak saya, Alhamdulillah," jelas Amir Shah sambil memberitahu bahawa beliau sekeluarga tinggal di Taman Seri Aman, Sungai Bakap.

Selain itu, Amir Shah memberitahu bahawa dalam perniagaan keluarga pun sebenarnya bukan tidak ada langsung cabarannya.

"Macam Cendol Ali yang berniaga di Sungai Bakap, kalau terkesan pun dalam dua keadaan sahaja iaitu semasa musim buah durian dan satu lagi musim hujan.

"Satu lagi cabaran adalah apabila MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai) meminta (gerai) Cendol Ali berpindah lokasi sedikit bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek pembinaan semula Masjid Lama Sungai Bakap.

"Selepas kira-kira 30 tahun saya berniaga Cendol Ali, baru lapan bulan berpindah lokasi perniagaan di hadapan jalan dekat Masjid Lama Sungai Bakap," ujarnya dalam nada sederhana.

Mengakhiri temu ramah, Amir Shah menyatakan bahawa setakat ini, beliau memang tiada rancangan untuk membuka stor perniagaan Cendol Ali yang baharu, memadai satu stor perniagaan di Sungai Bakap sahaja.

"Satu-satunya (stor) perniagaan Cendol Ali di Sungai Bakap ini, kini saya meneruskan perniagaan warisan ayah dengan dibantu generasi ketiga keluarga kami iaitu kedua-dua anak lelaki saya pula," ulasnya menutup bicara sesi wawancara berkaitan.



AHMAD Syurin Amir Shah yang sentiasa membantu ayahnya di gerai.



PERNIAGAAN diwarisi secara turun-temurun.

# Nasi Kandar Nurul kekal resipi asli arwah bapa

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**PADA** tahun 1997, ayahnya Shaihu Mahmood dan ibunya, Hasnah Nayan mencipta legasi perniagaan keluarga dengan membuka kedai Nasi Kandar Simpang Ampat dekat Bukit Tambun, yang merupakan gerai nasi kandar pertama wujud di kawasan tersebut ketika itu.

Selepas 27 tahun berlalu, kini **NURUL NADYA SHAIHU** yang merupakan anak keempat daripada enam beradik mengambil keputusan membangunkan perniagaan nasi kandar sendiri dekat Jalan Bukit Panchor, Nibong Tebal.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Nurul Nadya, 38, yang merupakan anak jati Simpang Ampat memberitahu bahawa perniagaan di bawah jenama Nasi Kandar Nurul itu mula beroperasi pada tahun 2018.



NURUL Nadya Shaihu (bertudung) di hadapan premisnya.


HIDANGAN lengkap yang menjilat jari.

“Ayah saya berhijrah ke Malaysia sejak beliau berumur empat tahun dan membesar serta bersekolah di negara ini.

“Pada mulanya, ayah hanya bekerja sebagai ‘tukang cedok nasi’ di sebuah gerai nasi kandar dekat Bagan, Butterworth, dan dari situlah beliau mula mempelajari resipi masakan nasi kandar.

“Ada beberapa pihak yang berminat sehingga sanggup menawarkan bayaran bagi mendapatkan resipi ciptaan ayah, tetapi beliau tidak berminat kerana mahu mewarisinya kepada keluarga.

“Ini kerana pada masa itu, ayah sudah mula memasang impian untuk meningkatkan taraf hidup keluarga, dan beliau membuat keputusan membuka kedai Nasi Kandar Simpang Ampat sebagaimana yang ada pada hari ini,” katanya memulakan bicara kepada Buletin Mutiara pada sesi wawancara 1 Julai lalu.

Nurul Nadya memberitahu bahawa selepas menamatkan alam persekolahan, beliau dan tiga lagi kakaknya mula membantu ayah serta ibu menguruskan Kedai Nasi Kandar Simpang Ampat sehinggalah ayahnya meninggal dunia pada tahun 2015.

“Selepas beberapa tahun menimba pengalaman daripada ayah dan ibu, ketiga-tiga kakak saya kemudian mengambil keputusan membuka perniagaan nasi kandar mereka sendiri di sekitar Nibong Tebal.

“Saya sendiri sejak tahun 2018 telah memulakan perniagaan ini selepas berjaya menyewa tapak perniagaan di sini yang merupakan premis milik Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS),” jelasnya yang merupakan ibu kepada empat cahaya mata.

Menurut Nurul Nadya, walaupun memulakan perniagaan di bawah jenama berbeza tetapi cita rasa masakan yang ditawarkan kepada pelanggan adalah menggunakan resipi daripada arwah ayahnya.


MASAKAN ayam madu dan ayam bawang yang digemari ramai.

“Semasa memulakan perniagaan, saya sendiri yang memasak semua jenis menu di sini sambil dibantu oleh suami serta anak lelaki sulung.

“Saya memang menggunakan resipi arwah ayah sepenuhnya dalam menghasilkan juadah tetapi ada juga beberapa jenis lauk yang saya olah sendiri bagi menyesuaikan dengan cita rasa pelanggan tempatan di sini.

“Contohnya, masakan ayam madu dan ayam bawang yang mana resipi asasnya adalah daripada arwah ayah tetapi saya olah sedikit bagi memenuhi cita rasa pelanggan.

“Sebab itulah, ada juga pelanggan beritahu bahawa rasa nasi kandar di sini sama dengan Nasi Kandar Simpang Ampat,” katanya sambil menambah bahawa kini suaminya, Mohd. Lutfi Johari, 34, yang mengambil alih tanggungjawab memasak.

Ditanya mengenai keistimewaan masakan Nasi Kandar Nurul berbanding kedai nasi kandar lain, Nurul Nadya memberitahu bahawa cita rasa asli yang diwarisi daripada ayahnya menjadi kekuatan bagi perniagaan yang diusahakannya kini.

“Walaupun perniagaan ini boleh dikatakan sebagai baru tetapi jenama kami cepat dikenali kerana cita rasa masih kekal, malah bahan-bahan mentah juga yang digunakan di sini sama dengan Restoran Nasi Kandar Simpang Ampat.

“Kebanyakan pelanggan yang datang pula terdiri daripada penjawat awam dan pekerja-pekerja kilang di kawasan berdekatan, saya juga ada terima tempahan daripada pelanggan di kawasan berdekatan.

“Dari segi pemasaran, saya tidak menggunakan apa-apa platform melainkan promosi dari ‘mulut ke mulut’ daripada pelanggan yang pernah mencuba makanan di sini,” ulasnya sambil menekankan bahawa kualiti bahan-bahan yang digunakan dalam masakan adalah amat dititikberatkan.

Tambah beliau, kedai Nasi Kandar Nurul beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat dari jam 10 pagi hingga 3 petang.

Menyentuh mengenai cabaran kenaikan kos bahan mentah, Nurul Nadya memberitahu bahawa perniagaan Nurul Nasi Kandar juga tidak terkecuali.

“Dengan kenaikan harga pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan kini, kami sebagai majikan memang cukup terkesan terutamanya dari segi hendak mengekalkan harga dan cita rasa.

“Walaupun harga barang naik tetapi kami tidak boleh menaikkan harga makanan atau mengurangkan penggunaan bahan-bahan sesuka hati kerana pelanggan akan ‘lari’.



PREMIS Nasi Kandar Nurul.

“Jadi kami akan pastikan sekiranya harga makanan terpaksa dinaikkan, maka kami akan menaikkannya sedikit sahaja kira-kira 10 sen atau 20 sen bagi setiap hidangan untuk memastikan cita rasa masakan dapat dikekalkan.

“Dengan cara ini pelanggan tidak akan rasa terlalu terbeban.

“Kami juga membuat pemerhatian terhadap permintaan pelanggan yang mana sekiranya masakan itu mendapat sambutan, maka kami akan meningkatkan kuantiti bagi masakan tersebut.

“Masakan yang dilihat kurang mendapat permintaan pula kami akan kurangkan kuantiti bagi mengelakkan kerugian selain memastikan cita rasa dapat dikekalkan,” jelasnya lanjut.

Bercakap mengenai perancangan masa depan, Nurul Nadya memberitahu bahawa beliau dan suami mempunyai impian untuk membuka premis perniagaan di sebuah bangunan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan demi keselesaan pelanggan.

“Sekarang keluasan kedai ini tidak mampu untuk menampung jumlah pelanggan yang semakin ramai, jadi kalau ada rezeki, saya hendak sewa bangunan untuk mengembangkan lagi perniagaan.

“Tambahan pula, anak sulung saya juga menunjukkan minat untuk mewarisi perniagaan ini, dan saya memang sedang melatih dia mengenai selok-belok perniagaan supaya dia dapat meneruskannya pada masa akan datang,” katanya menutup bicara.


MERAMAHI pelanggan yang datang.


ANAK sulungnya yang menunjukkan minat untuk mewarisi perniagaan tersebut.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
